

17/07/2001

Kemelut politik gugat kelancaran bantuan IMF

Mokhtar Alias

DALAM keresahan menunggu sidang khas Majlis Permesyuaratan Rakyat (MPR) pada 1 Ogos, persoalan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) masih menjadi duri dalam daging terhadap masa depan ekonomi Indonesia.

Sebagai sebuah negara yang masih dibebani kesan krisis ekonomi sejak pertengahan 1990-an, Indonesia sangat memerlukan bantuan IMF untuk memberi pinjaman.

Sekalipun pinjaman itu ibarat 'racun' kerana bangsa dan negara ini terpaksa memerlukan waktu yang sangat lama untuk melunasi dan jika silap perhitungan, ia boleh membawa kepada muflis.

Namun, inilah penawar yang paling mujarab untuk menjahit ekonomi negara yang terkoyak. Sekalipun pertumbuhan ekonomi ini berlaku, ia bergerak bagaikan siput.

IMF diundang membantu Indonesia pada senja kekuasaan bekas Presiden Suharto dengan harapan mengeluarkan negara ini daripada krisis ekonomi. Sebaliknya, harapan itu masih kelam.

Sekalipun bantuan awal sudah diberikan, Indonesia masih bergelut untuk menangani permasalahan ekonomi yang diburukkan lagi dengan keadaan negara yang kacau bilau. Suasana pelaburan pula semakin buruk.

Persengketaan politik yang tiada kesudahan menyebabkan usaha menumpukan sepenuh perhatian terhadap ekonomi tidak dapat dilakukan dengan sempurna.

Kebelakangan ini, IMF menjadi lebih cerewet apabila bantuan kewangan yang sepatutnya disalurkan masih diperlambatkan. Menteri Kewangan yang baru, Burhanudin Abdullah nampaknya masih belum dapat mengetuk pintu hati pegawai tertinggi IMF.

Persoalan yang ditimbulkan oleh IMF berhubung 'surat hasrat' yang semakin lama tidak dipenuhi. Keadaan ini berlaku kerana menteri yang dipertanggungjawab lebih gemar bermain politik.

Jadilah, hubungan IMF dengan Indonesia ibarat orang yang bertunang. Janji hendak kahwin sudah lama dibuat tetapi masih ditangguhkan. Duit belum cukuplah, masa belum sesuai dan segala macam lagi helah dibuat.

Begitu jugalah dengan IMF, setiap kali wang mahu dicairkan, setiap kali IMF memberi alasan yang bukan-bukan untuk melambatkan pinjaman yang sepatutnya diberikan untuk memulihkan ekonomi Indonesia.

Akibatnya, negara ini sentiasa berada dalam sesak nafas. Seperti kata lidah pengarang Media Indonesia: "Puncaknya terjadi pada saat ini. Pemerintah mula tercekik lehernya kerana defisit anggaran yang mengerikan. Mengerikan, sebab untuk membayar gaji pegawai pun pemerintah di ambang tidak berdaya."

Hal ini tidak menghairankan kerana krisis ekonomi yang melanda sudah berlarutan sangat lama. Semua negara terutama di Asia sudah kembali mengatur untuk memperkuat semula ekonominya. Thailand dan Korea Selatan yang terpuruk sudah mula bernafas sekalipun krisis ekonomi secara global mula membahang.

Lebih membimbangkan ketika ini apabila nasib Presiden Abdurrahman Wahid (Gus Dur) bagai telur di hujung tanduk. Sidang khas kali ini akan menghakimkan ucapan pertanggungjawabannya. Jika MPR menolak, Gus Dur terpaksa turun takhta.

Sekalipun, Gus Dur enggan memberi ucapan itu, ada mekanisme yang membolehkan dewan memecat beliau. Presiden nampaknya masih berkeras untuk terus mengekalkan kuasa sehingga 2004.

Keadaan ini menyebabkan pasaran sangat berhati-hati memasuki Indonesia.

Lebih celaka apabila sekalipun IMF gagal menjadi penyelamat, negara ini masih memerlukan bantuannya.

Melihat perkembangan terbaru daripada tindak tanduk IMF, memang selayaknya sejak awal lagi Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencium niat jahat IMF. Malaysia tidak memerlukan IMF tetapi dapat keluar daripada krisis ekonomi dalam masa singkat.

Indonesia sudah terjerumus lebih mendalam ke arah krisis ekonomi kesan percaturan dan persengketaan politik yang tidak ada noktahnya. Tidak mustahil, IMF mahu menyaksikan terlebih dahulu hasil sidang khas.

(END)